

22 FEB 2002

Law-Antartika

PERDANA MENTERI BUAT KEPUTUSAN MENGENAI PUSAT PENYELIDIKAN M'SIA

BINTANGOR (SARAWAK), 22 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat keputusan sama ada Malaysia harus mempunyai pusat penyelidikan di Antartika, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding.

Law berkata semasa beliau mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan ke Antartika baru-baru ini, para saintis Malaysia yang menjalankan penyelidikan di sana telah memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai kerja mereka.

"Para saintis ini yang berada di sana sejak 1999 telah mengenal pasti projek tertentu."

"Saya berpendapat Perdana Menteri sedang mempertimbang atau mengkaji kemungkinan Malaysia mempunyai pusat penyelidikannya sendiri di sana."

Law berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan sambutan rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina bersama anggota dewan undangan negeri kawasan Meradong Datuk Ting Chek Sii di Stadium Bolakeranjang di sini.

Penyelaras Teknikal Kebangsaan Program Penyelidikan Saintifik Antartika Dr Azizan Abu Samah telah mencadangkan supaya Malaysia mempunyai pusat penyelidikan sendiri di sana.

"Ini akan menunjukkan keupayaan dan daya tahan para saintis tempatan menerokai bidang baru sains yang berprofil tinggi."

Beliau juga berkata adalah juga penting pada jangka pajkang untuk memajukan dan memperkukuhkan pangkalan penyelidikan sains terutama dalam bidang-bidang yang Malaysia ketinggalan.

Menurut beliau, pada masa ini para saintis Malaysia menumpang kemudahan Scott Base milik New Zealand dan Stesen Casey Station milik Australia.

"Kita membayar sepenuhnya kos bagi penyelidikan dan oleh kerana kita telah meletakkan asas bagi kerja penyelidikan, kita harus mempertimbang untuk menubuhkan stesen sendiri."

Beliau berkata kos bagi membina dan menyelenggara stesen itu di sana dianggarkan RM20 juta.

Mengenai lawatan ke Antartika, Law menyifatkannya sebagai sungguh menarik dan unik kerana ia merupakan peluang sekali dalam seumur hidup bagi beliau dan isteri serta mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana mempelawa beliau menyertai lawatan itu.

-- BERNAMA

ESS ESS FAZ